

02/09/2000

Tiga cara selesai isu gilir KM

Lichong Angkui

SEANDAINYA keputusan konsensus diperlukan, nyata sekali sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang hebat diperkatakan sekarang tetap akan diteruskan apabila tempoh dua tahun penyandang, Datuk Osu Sukam, tamat menjelang Mac tahun depan.

Rumusan ini dibuat berdasarkan ketiadaan persepakatan mutlak serta perbalahan pendapat di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah yang ghairah membicarakannya secara terbuka akhir-akhir ini.

Sekurang-kurangnya empat parti komponen menyatakan pendirian masing-masing mengenai sistem itu. Mereka nyata tidak senada dengan Umno yang menjadi tunjang kerajaan BN Sabah hari ini.

Umno Sabah menerusi beberapa jurucakapnya menuntut sistem itu dihapuskan dengan alasan tidak praktikal lagi.

Namun Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) pimpinan Tan Sri Bernard Dompok dan Parti Liberal Demokratik (LDP) pimpinan Datuk Chong Kah Kiat, tetap berpegang sistem penggiliran itu faktor penting membawa kemenangan kepada BN pada pilihan raya negeri tahun lalu, justeru sewajarnya ditunaikan seperti terkandung dalam manifesto.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup dan timbalannya, Datuk Dr Jeffrey Kitingan masih `bermain dengan kata-kata' sedangkan pertikaian PBRS-Upko berhubung hak jawatan ketua menteri kuota Bumiputera bukan Islam, menjadi bayangan manifestasi jelas aspirasi politiknya yang tidak sukar ditafsirkan.

Sementara Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang diterajui Datuk Pandikar Amin Mulia, terus-terang menyarankan tempoh penggiliran dipanjangkan kepada lima tahun iaitu satu penggal pemerintahan dan bukan dua tahun seperti dipraktikkan kini.

Dari satu sudut, pelaksanaan sistem penggiliran itu untuk memenuhi `janji politik' semata-mata dan bukan termaktub dalam undang-undang. Ia tidak disebut dalam Perlembagaan Sabah, juga tidak dimuatkan dalam perjanjian kerajaan.

Seorang peguam veteran di Sabah, Datuk James Ghani, berpendapat jika sistem itu mahu diteruskan, kerajaan perlu memasukkan peruntukan baru dalam Perlembagaan Sabah. Menurutnya, langkah itu bagi menentukan kesahihannya dari segi undang-undang selain mengelak rasa tidak puas hati pihak tertentu.

James berkata, sistem penggiliran itu tidak wujud dalam perlembagaan negeri, sebaliknya dilakukan hanya untuk memenuhi janji pilihan raya negeri 1994. Pemerhati politik tempatan berpendapat, percanggahan idea dan pendirian parti komponen BN Sabah dijangka merumitkan lagi penyelesaian terhadap isu penggiliran itu yang sudah menjadi polemik baru dalam politik Sabah.

Tradisi dan semangat BN yang diwarisi sejak sekian lama mewajibkan semua keputusan hendaklah dibuat secara konsensus atau sebulat suara. Bagaimana mungkin kekusutan ini dapat dileraikan?

Suara panggilan dari parti komponen supaya sistem itu dimansuhkan turut meletakkan BN di persimpangan dilema. Ini ke-rana ketika sistem itu diperkenalkan pada 1994, pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) antara yang terawal mengemukakan bantahan. Justeru, jika sistem itu dihentikan sekarang, setidak-tidaknya pembangkang boleh memutarbelitkannya bagi meraih political mileage daripada rakyat Sabah.

Apapun kemungkinan yang berlaku, isu ini perlu dicari noktah

penyelesaian. Jika tidak, parti politik di Sabah terus sibuk dengan main politik mereka dan rakyat menjadi buah catur yang disorong tarik oleh pemain amatur yang mahu menang.

Ada sekurang-kurangnya dua persoalan penting perlu dicari jawapan. Pertama, sama ada sistem itu wajar atau tidak? Kedua, sama ada diterima dan memanfaatkan rakyat Sabah atau sebaliknya?

Disebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara jelas menyerahkan kepada rakyat Sabah memutuskan sistem itu, ada beberapa wadah dan mekanisme mungkin boleh dipertimbangkan atau dijadikan iktibar dalam mencari jalan penyelesaian terbaik.

Pertama, menerusi forum BN Sabah sendiri. Sewajarnya mesyuarat BN negeri diadakan sekarang bagi membolehkan pimpinan parti komponen menyatakan pendirian secara rasmi. Pada mesyuarat tertutup sedemikian, biasanya perbincangan lebih bersifat terbuka.

Kedua, menerusi pengundian dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Sebelum ini sudah ada cadangan beberapa wakil rakyat suatu usul dibentangkan berhubung isu penggiliran itu. Ini mungkin boleh difikirkan dalam persidangan DUN Sabah bulan depan.

Ketiga, menerusi pungutan suara dari kalangan rakyat Sabah. Sistem dan kaedahnya perlu jelas supaya tidak menyimpang daripada matlamat asal selain memastikan ia demokratik tanpa penyelewengan.

Dengan demikian, keputusan muktamad boleh dicapai. Jika tidak ada persepakatan konsensus dicapai, mungkin keputusan boleh dibuat mengikut suara majoriti sebagaimana amalan demokrasi.

(END)